

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH BINTI
WAN SULAIMAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN NOVEMBER 2013
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PADA 15 NOVEMBER 2013**

Bismillahirrahmanirrahim,

Rabbishrahli sodri wayassirli amri, wahlul ukdataan min lisani yafqahu qauli, Aamiin...

Terima kasih pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada pagi ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu sebentar tadi.

YBhg Dato' Hawazain binti Shaari, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI JANM TAHUN 2013

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

Seperti tahun-tahun sebelumnya, JANM akan mengadakan sambutan Hari Inovasi dan Integriti bagi tahun 2013, Insya Allah pada bulan Oktober.

Alhamdulillah syukur kita kehadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat, izin dan kurniaNya, maka kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam perhimpunan bagi bulan November tahun 2013.

Rasanya belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada warga JANM beragama Hindu, dan Selamat Tahun Baru 1435 Hijrah kepada semua warga JANM beragama Islam.

UCAPAN TAHNIAH DAN PENGHARGAAN

Sebagai pembuka bicara, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada YBhg Dato' Hawazain binti Shaari, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) yang telah dianugerahkan Ahli Yang Kedua (Dato' Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (DPSK). Tahniah YBhg Dato'.

NO WRONG DOOR POLICY

Jika tuan/puan masih ingat, Kerajaan telah memperkenalkan **No Wrong Door Policy** pada tahun 2008. Polisi adalah bertujuan untuk menginstitusikan satu perkhidmatan berkualiti dalam masa yang singkat di semua Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan. Bermula dengan polisi ini, *One Stop Center* diwujudkan di Jabatan dan agensi Kerajaan agar pelanggan yang berurusan boleh mendapatkan perkhidmatan dari jabatan dan agensi kerajaan dengan mudah dan cepat. Polisi ini selari dengan aspirasi YAB Perdana Menteri agar Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

1st responder protocol perlu diterapkan semasa menjalankan tugas sehari-hari, iaitu kita cuba sedaya upaya untuk memberikan bantuan kepada pelanggan yang memerlukan perkhidmatan, dan tidak menyusahkan pelanggan.

(Contoh: Memperkenalkan seseorang pelanggan kepada pegawai yang bertanggungjawab sekiranya ia bukan dalam bidang tugas kita, dan bukannya terus menyatakan itu adalah bukan bidang tugas kita tanpa membantu terlebih dahulu.)

PELAKSANAAN KEPUTUSAN KABINET TAHUN 2014

Semua Kementerian atau Agensi Kerajaan perlu melaksanakan langkah penjimatan dengan seberapa yang boleh, tanpa menjelaskan projek-projek pembangunan sedia ada. Oleh itu, antara langkah penjimatan yang disasarkan adalah seperti berikut:

- a) Mengurangkan perbelanjaan mengurus sebanyak 10%
- b) Pengurangan bil utiliti sekurang-kurangnya 5%

Sebagai contoh langkah penjimatan:

- i. Penerbangan luar Negara yang kurang tempoh 5 jam, menggunakan harga pasaran
- ii. Langkah-langkah kecil yang boleh diamalkan oleh semua seperti memadamkan lampu semasa keluar bilik, semasa rehat atau jika terdapat cahaya daripada luar dan memadai dengan menyingkap tirai/langsir.

Walau bagaimanapun, bagi perbelanjaan pembangunan, Kementerian atau Agensi adalah diminta untuk memantau bagi memastikan setiap projek dapat disiapkan dengan jumlah peruntukan yang diluluskan, dan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Jabatan atau Agensi Kerajaan yang dapat mengekalkan prestasi terbaik akan diberi penghargaan yang sewajarnya.

PELAKSANAAN GST

Budget 2014 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 25 Oktober 2013 yang lalu bertemakan “*MEMPERTEGUH KETAHANAN EKONOMI, MEMPERKASA TRANSFORMASI DAN MELAKSANA JANJI*”, telah menggariskan lima teras utama iaitu:

- Merancakkan Aktiviti Ekonomi
- Mengukuh Pengurusan Fiskal
- Mengunggulkan Modal Insan
- Mempergiat Pembangunan Bandar dan Luar Bandar
- Mensejahtera Kehidupan Rakyat

Antara perkara baru yang dicadangkan adalah pelaksanaan GST yang akan berkuatkuasa mulai 1 April 2015. Kadar GST yang ditetapkan adalah hanya sebanyak enam peratus berbanding dengan kadar cukai jualan iaitu lima dan 10 peratus dan cukai perkhidmatan pada kadar enam peratus. Kadar GST ini merupakan yang terendah dikalangan negara ASEAN. GST bukanlah cukai tambahan baru, tetapi ia menggantikan dua cukai yang dimansuhkan iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan.

Tugas kita sebagai penjawat awam adalah untuk memberikan pemahaman dan penerangan kepada orang awam tentang keberkesanan GST kepada mereka.

PENGHAYATAN NILAI BERSAMA JABATAN

Di sini bermula untuk kita semua menghayati, mengamal, dan seterusnya membudayakan nilai-nilai bersama Jabatan (SPECIAL).

Sebagai seorang penjawat awam yang professional dan setia, kita perlu berusaha keras untuk mengurang dan menangani persepsi atau anggapan negatif orang awam terhadap Kerajaan dengan memberikan penerangan dan pendedahan yang sewajarnya tentang dasar-dasar Kerajaan.

PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

Transformasi sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan memerlukan pengurusan perubahan yang berkesan, sistematik dan dinamik. Perubahan budaya kerja, peningkatan kemahiran dan kompetensi modal insan merupakan aspek paling penting dalam memperkasa penjawat awam untuk menghadapi persekitaran perakaunan sektor awam yang baru dan mencabar.

Tugas dan peranan tuan/puan sekalian sebagai *Change Agent* sangat memerlukan pendedahan dan pengetahuan yang mendalam dalam bidang perakaunan akruan, untuk memastikan proses transformasi pelaksanaan perakaunan akruan dapat berjalan dengan lancar dan tersusun.

Jadikan diri anda sebahagian daripada proses ini. Jangan meminggirkan diri anda daripada terlibat dalam aktiviti **change management** yang dianjurkan. Ambillah langkah proaktif untuk mendalami ilmu yang berkaitan agar kita dapat bersama-sama menyumbang kepada kejayaan transformasi perakaunan akruan sektor awam yang merupakan agenda utama nasional

KEMUDAHAN RUMAH CSRU

Saya pasti ramai daripada kita yang mengetahui akan skim CSRU atau **Civil Servant Reserved Unit**. Akan tetapi terdapat rumah-rumah baru yang akan ditawarkan. Penawaran adalah secara prinsip "**First Come First Served**". Sesiapa yang berminat perlu mendaftar dan membuat pembayaran sebanyak RM100 sebagai caj pendahuluan. Bagi pemohon CSRU yang telah mendaftar sebelum ini, tidak perlu mendaftar semula. Berhubung dengan Urusetia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri untuk maklumat lebih lanjut.

PENYEDIAAN LPP TAHUN 2013

Sebelum berpisah, saya ingin menyentuh sedikit tentang perkara yang melibatkan pengurusan pentadbiran iaitu mengenai Penyediaan LPP melalui HRMIS. Pengarah Bahagian diharapkan dapat memastikan supaya semua pegawai di bawah seliaan YBhg.Dato'/Tuan/Puan dapat mengemaskini dan membuat penilaian LPP Tahun 2013 melalui sistem HRMIS yang boleh dicapai melalui Modul Pengurusan Prestasi. Semua Pegawai Yang Dinilai (PYD) boleh membuat pengemaskinian LPP Tahun 2013 mulai 14 November 2013 hingga 30 November 2013. Jadual telah pun dikeluarkan oleh pihak pengurusan PPP dan diharap semua warga JANM dapat mematuhi jadual tersebut.

SAMBUTAN AWAL MUHARAM PERINGKAT JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Sebentar nanti kita akan mengadakan forum sempena Awal Muharam peringkat Jabatan yang tajuk **Hijrah: Selangkah Menuju ke Syurga**. Bersempena dengan

tahun baru Hijrah ini, marilah kita bersama-sama berazam untuk memastikan kita semua dapat berhijrah ke arah yang lebih baik.

Dikesempatan ini saya suka mengingatkan kepada warga JANM yang beragama Islam tentang kewajipan menunaikan zakat. Dengan menunaikan zakat (yang boleh dibuat melalui potongan gaji) sekurang-kurangnya kita dapat meringankan beban dengan membantu golongan-golongan asnaf yang amat memerlukan. Semoga tahun baru ini akan lebih bertambah baik dari tahun-tahun sebelumnya. Insya Allah.

PENUTUP

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.